



WEB-BASED ADMISSION & DECISION ASSISTANCE HUB (WADAH) UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (UIS)

Soalan Lazim (FAQ):

1. **Apakah itu WADAH?**

WADAH ialah sistem permohonan dan pemprosesan kemasukan pelajar secara atas talian yang dibangunkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat UIS. Ia berfungsi sebagai hab utama bagi semua permohonan ke program pengajian asasi dan diploma di UIS.

2. **Siapa boleh memohon menggunakan WADAH?**

Semua lepasan SPM, STAM dan STPM boleh memohon menggunakan WADAH.

3. **Program apa yang boleh dipohon melalui WADAH?**

Semua program pengajian yang ditawarkan di UIS termasuk:

- i. Program Asasi
- ii. Diploma
- iii. Ijazah Sarjana Muda

4. **Bagaimana cara untuk mengakses sistem WADAH?**

Pemohon boleh mengakses sistem melalui pautan rasmi:

<https://wadah.uis.edu.my/>

5. **Bagaimana cara untuk menggunakan WADAH?**

Pemohon boleh merujuk pautan Manual Pengguna pada muka utama WADAH.

6. **Adakah saya perlu membuat sebarang bayaran yuran penggunaan sistem WADAH?**

TIADA sebarang bayaran yuran bagi penggunaan sistem WADAH. Ia disediakan oleh UIS untuk manfaat orang ramai terutamanya calon pelajar lepasan SPM untuk mendapatkan tempat di institusi pengajian tinggi khususnya UIS.

7. Bagaimana untuk menyemak status permohonan?

Pemohon boleh log masuk ke sistem wadah.uis.edu.my menggunakan nombor kad pengenalan untuk menyemak status permohonan.

8. Adakah saya akan menerima notifikasi apabila keputusan permohonan dikeluarkan?

Ya. Pemohon akan menerima notifikasi melalui e-mel bersama-sama surat tawaran. Sila pastikan alamat emel yang tepat diberikan semasa permohonan bagi memastikan notifikasi/ pemakluman dapat dihantar dengan tepat oleh UIS.

9. Adakah saya boleh menukar program pengajian sekiranya telah mendapat surat tawaran?

Ya, pemohon boleh memohon pertukaran program walaupun telah menerima surat tawaran.

Untuk membuat permohonan pertukaran, sila emelkan maklumat berikut:

1. Nama penuh
2. Nombor kad pengenalan
3. Program pengajian yang telah ditawarkan
4. Program pengajian yang ingin ditukar

Emel permohonan hendaklah dihantar ke: admission@uis.edu.my

Permohonan akan dipertimbangkan berdasarkan kelayakan program yang dimohon.

10. Siapa yang boleh saya hubungi untuk pertanyaan lanjut mengenai permohonan?

Sila hubungi:

Seksyen Permohonan & Kemasukan Pelajar, Bahagian Pemasaran UIS

✉ admission@uis.edu.my

☎ 03-8911 7000 sambungan 2239/2240/1417

DISEDIAKAN OLEH:

SEKSYEN PERMOHONAN DAN KEMASUKAN PELAJAR

BAHAGIAN PEMASARAN

UNIVERSITI ISLAM SELANGOR